



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PERSIDANGAN INISIATIF PENYELIDIKAN KESIHATAN MULUT NASIONAL KETIGA 2024 (3rd NOHRI)

6 SEPTEMBER 2024

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa Persidangan Inisiatif Penyelidikan Kesihatan Mulut Nasional Ketiga [**3rd National Oral Health Research Initiative (NOHRI) Conference 2024**] telah diadakan di Putrajaya hari ini.

Persidangan anjuran KKM yang telah berlangsung selama 3 hari ini bertemakan *Precision Dentistry: Unveiling The Future Through Data-Driven Insights* berfungsi sebagai platform penting untuk memperkasakan perkhidmatan kesihatan pergigian melalui penyelidikan dan pendekatan inovatif berdasarkan data.

National Oral Health Research Initiative (NOHRI) telah ditubuhkan pada tahun 2010 untuk mempertingkatkan *evidence-based policy decisions* dalam penyampaian penjagaan kesihatan pergigian kebangsaan. Jawatankuasa ini yang terdiri daripada profesional pergigian daripada pelbagai agensi memainkan peranan penting dalam mengenal pasti keutamaan penyelidikan dalam bidang kesihatan mulut dan menyelia agenda penyelidikan kesihatan mulut yang lebih berkesan di Malaysia.

Persidangan NOHRI 2024 adalah hasil kerjasama antara Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia (PKP KKM) dan Persatuan Pakar Kesihatan Awam Pergigian Malaysia (MADPHS). MADPHS, yang terdiri daripada Pakar Kesihatan Awam Pergigian daripada pelbagai agensi, memainkan peranan penting dalam menangani isu-isu kesihatan pergigian dan memajukan bidang kepakaran dalam semua disiplin pergigian. Kerjasama ini menunjukkan komitmen bersama untuk meningkatkan penjagaan kesihatan pergigian dan penyelidikan di Malaysia.

Persidangan ini sejajar dengan komitmen Malaysia terhadap Pelan Tindakan Kesihatan Mulut Global (GOHAP) 2023-2030, yang memfokuskan kepada enam objektif strategik: tadbir urus kesihatan pergigian, promosi dan pencegahan penyakit, penjagaan kesihatan mulut, pembangunan tenaga kerja kesihatan, sistem pengurusan maklumat dan agenda penyelidikan. Sistem pengurusan maklumat kesihatan pergigian yang inovatif amat penting bagi meningkatkan pemantauan dan penerimaan maklum balas kesihatan pergigian yang berkenaan bagi membuat keputusan ke arah pembangunan dasar berasaskan bukti. Agenda penyelidikan kesihatan pergigian yang dibangunkan juga menekankan kepada konteks dan keperluan spesifik penyelidikan berkaitan kesihatan awam pergigian.

Penemuan terkini daripada Tinjauan Kebangsaan Kesihatan Mulut Orang Dewasa (NOHSA) 2020 menunjukkan cabaran besar dalam kesihatan mulut dan kualiti hidup rakyat di Malaysia:

- a. 1 daripada 20 orang dewasa berumur 35 tahun dan ke atas tidak mempunyai gigi
- b. Hanya 34.3% orang dewasa berumur 60 tahun dan ke atas mempunyai 20 batang gigi atau lebih

- c. 17 daripada 20 orang dewasa Malaysia mempunyai gigi berlubang
- d. 9 daripada 10 orang dewasa Malaysia mempunyai periodontium tidak sihat
- e. 94.6% orang dewasa Malaysia memerlukan rawatan pergigian
- f. 4 daripada 10 orang dewasa Malaysia mengalami impak sosial, disebabkan oleh keadaan mulut dalam tempoh tiga bulan yang lalu
- g. Hanya 1 daripada 4 orang dewasa Malaysia yang mengetahui tentang teknik pemeriksaan mulut sendiri.

Selain itu, penemuan daripada Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2023 menunjukkan bahawa hanya 25.7% rakyat Malaysia telah menerima rawatan pergigian dalam tahun lalu. Statistik ini menekankan keperluan untuk mempergiat usaha meningkatkan status kesihatan pergigian di negara kita, dan penyelidikan berkualiti tinggi adalah komponen penting dalam usaha ini.

Bagi menyokong keperluan meningkatkan status kesihatan pergigian, KKM telah memperkenalkan inisiatif “**1 Individu: 1 Rekod Pergigian**”. Program ini memperkasakan individu dengan memberikan akses kepada rekod pergigian mereka melalui Aplikasi MySejahtera. Data status kesihatan mulut daripada Sistem Maklumat Pergigian (DIS) telah disepadukan ke dalam Aplikasi MySejahtera, mewujudkan Rekod Kesihatan Sepanjang Hayat (LHR) yang komprehensif. Pendekatan digital ini bukan sahaja meningkatkan penjagaan pesakit tetapi juga menyokong perkhidmatan forensik pergigian terutamanya dalam proses Pengecaman Mangsa Bencana (DVI).

KKM komited untuk memanfaatkan penemuan penyelidikan untuk membentuk dasar, mengembangkan inisiatif baru, dan meningkatkan aktiviti kesihatan pergigian yang sedia ada. Dedikasi komuniti pergigian dalam menghasilkan penyelidikan yang berkualiti tinggi akan mendorong penambahbaikan berterusan dalam penyampaian penjagaan kesihatan mulut di Malaysia.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
6 SEPTEMBER 2024